


**HARGA  
MINYAK  
DUNIA**
**West Texas  
Intermediate  
AS\$68.10  
(RM274.09)**
**Brent North  
Sea Crude  
AS\$75.13  
(RM302.38)**

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

## Vincent Tan rancang jual pegangan dalam T7 Global

**KUALA LUMPUR** - Pengerusi Eksekutif Berjaya Corporation Bhd., Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, yang muncul sebagai pemegang saham utama T7 Global Bhd. (T7 Global) pada bulan lepas merancang menjual keseluruhan pegangannya dalam penyedia perkhidmatan lapangan minyak luar pantai itu.


**VINCENT TAN**

Hartawan itu mendedahkan perkara tersebut semalam dalam satu kenyataan bagi menjelaskan kedudukannya dan menyangkal sebarang dakwaan, atau sebarang salah laku atau kronisme di pihak kerajaan dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Penjelasan itu adalah untuk menepis

dakwaan beberapa laporan berita dan artikel di media sosial berkaitan pembelian 21 juta saham olehnya baru-baru ini, terdiri daripada 5.04 peratus pegangan dalam T7 Global.

"Laporan berita ini berniat jahat dan kelihatan seolah-olah mengaitkan pembelian pegangan besar dalam T7 Global itu dengan keputusan kerajaan Pakatan Harapan untuk tidak membatalkan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bercanggah dengan laporan terdahulu."

"Saya percaya laporan berita ini dan komen-komen di media sosial bertujuan untuk memalukan saya dan kerajaan ba-

haru di Putrajaya," kata Vincent Tan.

Menurut maklumat T7 Global kepada Bursa Malaysia, Vincent Tan membeli 21 juta saham atau 5.03 peratus pegangan dalam syarikat itu menerusi urus niaga perniagaan langsung pada 15 Mei dan tambahan 1.2 juta saham dalam pasaran terbuka pada 21 Mei, meningkatkan pegangannya kepada 22.2 juta saham atau 5.29 peratus.

"Malahan, saya telahpun mula menjual beberapa saham saya dalam T7 Global setakat semalam dan saya berhasrat menjual semua saham saya dalam syarikat itu dalam masa terdekat ini."

"Saya berharap ia akan menamatkan sebarang kontroversi lagi mengenai isu ini," katanya.

Beliau berkata, pembelian tersebut dibuat kerana beliau mengenali pemegang saham utama syarikat itu dan apa yang lebih penting adalah sebagai pelaburan jangka panjang dalam industri perkhidmatan minyak dan gas memandangkan T7 Global mempunyai kedudukan kukuh dalam sektor tersebut.

"Saya tidak mengetahui bahawa T7 Global adalah antara kontraktor bagi projek ECRL semasa saya membeli saham syarikat tersebut," katanya.

Vincent berkata, Dr. Mahathir dengan tegas menafikan dakwaan bahawa kerajaan memutuskan untuk meneruskan projek ECRL kerana rakanannya (Vincent Tan) memegang pegangan dalam projek itu. - Bernama

Ambil langkah untuk pertingkatkan nilai syarikat, kembang perniagaan berdaya maju

## MSM teroka pasaran baharu

Oleh JOHANNA A. SOBREY

**KUALA LUMPUR** - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), merancang untuk meneroka pasaran Afrika dan China dalam masa terdekat sebagai langkah menambah nilai syarikat pengeluar gula itu.

Pengerusinya, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, pihaknya masih lagi merangka strategi sama ada untuk menjadi pengeluar gula dalam pasaran asing atau menyediakan khidmat kepada pasaran terbabit dari Malaysia.

"Kami dapati permintaan gula dari negara Afrika semakin meningkat manakala China, yang sebelum ini mempunyai pasaran tersendiri dalam memenuhi permintaan tempatan, kini menjadi pengimport bersih gula," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 MSM di Menara Felda dekat sini semalam.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohd. Shaffie


**AZHAR (tiga dari kiri) bersama Mohd. Shaffie (dua dari kiri) dan Khairil Anuar (empat dari kiri) menunjukkan laporan tahunan MSM di Menara Felda, Kuala Lumpur semalam.**

Said dan Pengarah Eksekutif syarikat, Datuk Khairil Anuar Aziz.

Azhar menjelaskan, syarikat kini mengkaji pilihan perniagaan agar tidak menekankan kewangan MSM dan usaha pengembangan perniagaan itu berdaya maju.

"Sehubungan itu, kita perlu mengkaji pasaran untuk mewujudkan peluang dan meningkatkan nilai kerana syarikat

ini tidak boleh hanya beroperasi sebagai pemain pasaran domestik," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan, perluasan perniagaan ke seberang laut juga untuk memanfaatkan keupayaan pengeluaran terbaharu MSM apabila kilang penapisan gula yang melibatkan pelaburan bernilai RM1.1 bilion di Tanjung Langsat, Johor beroperasi pada bulan hadapan.

## Pertumbuhan sektor hartanah meningkat

**SHAH ALAM** - I-Berhad yakin sektor hartanah kini dalam trajektori meningkat berdasarkan jumlah permohonan dan kadar kelulusan yang meningkat bagi projek hartanah kediaman syarikat itu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Eu Hong Chew berkata, kadar kelulusan pada 2015 sebanyak 46 peratus, 36 peratus pada 2016 dan meningkat kepada 47 peratus tahun lepas.

I-Berhad mendapati permohonan pinjaman seba-

nyak RM690 juta dan perjanjian jual beli (SPA) bernilai RM320 juta pada 2015, permohonan pinjaman dan SPA masing-masing sebanyak RM350 juta dan RM310 juta pada 2016, manakala pada 2017, angkanya masing-masing mencatatkan RM570 juta dan RM270 juta.

"Berdasarkan paten itu, kami mendapati kadar kelulusan pinjaman adalah lebih tinggi dan baik untuk sektor hartanah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas

mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini semalam.

Hong Chew menjelaskan, prestasi syarikat itu pada 2017 juga selari dengan pelan pertumbuhan yang ditetapkan lima tahun lepas.

"Sejak lebih lima tahun lepas, kami menetapkan sasaran untuk menjadikan segmen pembangunan hartanah sebagai penyumbang terbesar."

"Pada 2017, segmen ini menyumbang 90 peratus kepada hasil kumpulan dan kami menjangkakan profil

ini tidak boleh hanya beroperasi sebagai pemain pasaran domestik," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan, perluasan perniagaan ke seberang laut juga untuk memanfaatkan keupayaan pengeluaran terbaharu MSM apabila kilang penapisan gula yang melibatkan pelaburan bernilai RM1.1 bilion di Tanjung Langsat, Johor beroperasi pada bulan hadapan.

"Pusat beli-belah dan pusat konvensyen pertamanya dijangka dibuka pada akhir tahun ini manakala Double Tree Hotel akan dibuka pada 2020," katanya.

- Bernama

**RINGKAS**

### Alam Maritim dapat kontrak RM226 juta

**KUALA LUMPUR** - Alam Maritim Resources Bhd. melalui anak syarikat milik penuhinya, Alam Maritim (M) Sdn. Bhd. dan Alam Maritim (L) Inc, memperoleh beberapa kontrak bernilai RM226.08 juta.

Dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia di sini semalam, kontrak itu membolehkan penyediaan kapal sokongan luar pesisir oleh syarikat minyak dan gas (O&G) dan kontraktor utama di Malaysia dan Timur Tengah.

Kontrak itu merupakan gabungan kontrak jangka pendek dan panjang dengan tempoh utama antara enam bulan hingga tiga tahun.

"Kontrak itu dijangkakan memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset ketara bersih Alam Maritim Resources bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan selepasnya," jelasnya.

### RHB SME e-Solution untuk bantu PKS

**KUALA LUMPUR** - RHB Bank Bhd. menjadi institusi kewangan Malaysia pertama yang menawarkan penyelesaian perniagaan digital secara menyeluruh berasaskan teknologi awan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berikutan pengembangan penyelesaian perniagaan digital RHB SME e-Solution.

Aplikasi itu pada mulanya diperkenalkan untuk industri runcit dan ia meliputi semua industri dan bank berkenaan mempunyai sasaran untuk menarik sebanyak 2,500 pengguna berdaftar bagi SME e-Solution dalam tempoh 12 bulan akan datang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, penyelesaian secara menyeluruh itu diasaskan sebagai pelengkap kepada ekosistem PKS.